



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL
KOD KURSUS : MPU2223
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Kajian tentang etika profesional secara umumnya melibatkan kajian tentang
 - A semua isu berkaitan dengan hak golongan profesional.
 - B semua isu tentang tanggungjawab seorang profesional dalam memberikan perkhidmatan.
 - C semua isu yang berkaitan dengan pemantauan tingkah laku golongan profesional.
 - D semua isu etika dan nilai dalam sesuatu bidang profesion dan tingkah laku golongan profesional dalam masyarakat.

2. Profesional dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu
 - A doktor dan peguam.
 - B kerajaan dan swasta.
 - C perunding dan bergaji.
 - D pendidikan dan keusahawanan

3. Dalam struktur sosial masyarakat, golongan profesional diletakkan pada status yang tinggi kerana
 - A kepakarannya.
 - B kemahirannya.
 - C kekuasaannya.
 - D kekayaannya.

4. Perbuatan tidak beretika dikaitkan dengan faktor-faktor berikut **kecuali**
 - A peningkatan bilangan profesional.
 - B masalah ekonomi dalam negara.
 - C gaya kehidupan masyarakat moden.
 - D sistem perundangan yang kompleks.

5. Matlamat utama lesen (tauliah) yang diberikan kepada pengamal sesuatu profesion ialah
- A membolehkan profesional menjalankan tugas.
 - B menggalakkan pelanggan mencari pengamal yang bertauliah sahaja.
 - C mengurangkan penipuan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.
 - D melindungi orang awam daripada perbuatan tidak beretika atau tidak cekap bagi seorang profesional.
6. Faktor apakah yang selalu dikaitkan sebagai punca masalah etika?
- A Masalah kekaburan tentang pertimbangan etika.
 - B Memberi khidmat profesional yang sama tanpa diskriminasi.
 - C Kebersendirian dalam hubungan profesional-klien mula berkurangan.
 - D Pengalaman secara individu dan berasingan telah mula berubah kepada pengalaman dan kumpulan.
7. Satu daripada kenyataan di bawah tidak menjelaskan langkah-langkah mengatasi dilema etika, iaitu
- A mengenal pasti faktor-faktor etika yang relevan.
 - B menjaga kepentingan individu, masyarakat dan alam sekitar
 - C mengumpulkan semua fakta yang berkaitan dengan masalah etika.
 - D berbincang dengan rakan untuk mendapatkan cadangan dan alternatif tertentu.

8. Mengapakah seorang profesional patut memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua orang?
- Untuk meningkatkan popularitinya sebagai seorang profesional.
 - Saling memerlukan antara satu sama lain untuk membina kehidupan yang harmoni dan sejahtera.
 - Dari segi undang-undang profesional diberikan keistimewaan untuk memonopoli dalam perkhidmatan.
 - Bagi meningkatkan pendapatan bulannya.
- A i dan ii sahaja.
B ii dan iii sahaja.
C iii dan iv sahaja.
D i, ii, iii dan iv.
9. "Memberikan rasuah kepada pegawai kerajaan untuk mendapatkan kontrak di Korea adalah dibenarkan dan memberikan rasuah kepada pegawai kerajaan di Amerika Syarikat tidak dibenarkan". Pernyataan ini adalah berkaitan dengan nilai
- A Prinsip.
B Standard.
C Peraturan.
D Relativisme Etika.
10. Usaha untuk memberikan persamaan peluang bagi mendapatkan perkhidmatan profesional dibatasi oleh faktor ekonomi yang antaranya berkaitan dengan
- A jurang pendapatan masyarakat.
B monopoli dan bayaran perkhidmatan.
C masyarakat bandar dan luar bandar.
D masalah kewangan di dalam negara.
11. Teori keperibadian mulia merujuk kepada
- A tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang.
B menekankan sifat-sifat baik tertentu yang ada pada diri seseorang.
C satu keperluan untuk membolehkan seseorang melaksanakan aktiviti yang rasional secara berkesan.
D melakukan tindakan yang betul seperti jujur, memenuhi janji, tidak menganiaya orang, berlaku adil dan bersimpati.

12. Asas teori wajib ialah tanggungjawab dan bukannya akibat baik. Teori ini juga dikenali sebagai
- A Teori Egoisme.
 - B Teori Teleologis.
 - C Teori Hak Asasi.
 - D Teori Deontologis.
13. Siapakah yang mengasaskan teori utilitarianisme?
- i. John Locke
 - ii. Jeremy Bentham
 - iii. John Stuart Mill
 - iv. Immanuel Kant
- A i dan ii sahaja.
 - B ii dan iii sahaja.
 - C iii dan iv sahaja.
 - D i, ii, iii dan iv.
14. Antara pernyataan di bawah yang manakah merujuk kepada melayan klien tanpa etika?
- A Seorang doktor yang meminta kebenaran daripada ahli keluarga pesakit sebelum menjalani pembedahan.
 - B Jurutera yang diminta untuk mereka bentuk bangunan yang tidak mengikut spesifikasi.
 - C Pensyarah yang bertindak sebagai saksi pakar di mahkamah.
 - D Anggota polis yang menjalankan siasatan kes dengan teliti.
15. "Profesional dan klien mempunyai hubungan rapat yang berasaskan percaya mempercayai dan bekerjasama". Pilih jawapan yang tepat yang menggambarkan pernyataan yang diberi.
- A Model Kontrak
 - B Model Fiduciari
 - C Model Paternalisme
 - D Model Persahabatan

16. Penyelidikan yang dilakukan dalam sesuatu bidang profesional bertujuan untuk
- A memberi input baru kepada profesion.
 - B memberi peluang kepada profesional meningkatkan kebolehannya.
 - C membelanjakan wang yang diperuntukkan supaya tiada pembaziran.
 - D menjadikan profesional sebagai individu yang mahir membuat penyelidikan.
17. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan susunan yang betul dalam peringkat perkembangan moral?
- A Postkonvensional, Prekonvensional dan Konvensional.
 - B Postkonvensional, Konvensional dan Prekonvensional.
 - C Konvensional, Prekonvensional dan Postkonvensional.
 - D Prekonvensional, Konvensional dan Postkonvensional.
18. Dua jenis pemboleh ubah personaliti yang terdapat dalam ciri-ciri individu ialah
- A penyelidikan dan reformasi.
 - B kompetensi dan ketekunan.
 - C kekuatan ego dan lokus kawalan.
 - D lokus kawalan dalaman dan luaran.
19. Peraturan khas atau tatacara kelakuan profesional terkandung dalam
- A kod etika.
 - B undang-undang negara.
 - C Badan-badan Profesional.
 - D sijil yang dikeluarkan bagi satu-satu profesion.
20. Antara berikut yang manakah merupakan panduan yang tepat untuk menguji keberkesanan sistem etika?
- A Setiap teori mempunyai kekuatan tertentu.
 - B Prinsip haruslah bertentangan antara satu sama lain.
 - C Setiap teori etika mempunyai justifikasi tentang obligasi.
 - D Teori dan hujah tidak bergantung kepada maklumat salah.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Model Etika hubungan *profesional-klien fiduciari* menekankan obligasi menerima amanah daripada klien. Huraikan sifat-sifat amanah yang berikut berdasarkan hubungan profesional-klien yang tersebut berserta contoh yang relevan.

- i. Kejujuran (4 markah)
- ii. Berterus terang (4 markah)
- iii. Ketekunan (4 markah)
- iv. Kesetiaan (4 markah)
- v. Menyimpan rahsia (4 markah)

SOALAN 2

Etika profesional boleh dikatakan sebagai satu sistem nilai (norma) khusus bagi golongan profesional.

- i. Jelaskan pengertian nilai dalam konteks etika. (4 Markah)
- ii. Huraikan **tiga(3)** jenis nilai yang menggambarkan suatu obligasi. (6 Markah)
- iii. Bincangkan **empat(4)** daripada fungsi nilai berserta contoh-contoh yang sesuai. (10 Markah)

SOALAN 3

Dalam struktur sosial masyarakat, golongan profesional diletakkan dalam kumpulan atasan dari segi prestij, kedudukan dan kuasa. Mereka dianggap sebagai golongan terpelajar dalam kalangan masyarakat dan dapat memberikan kepimpinan di luar profesion masing-masing.

- i. Nyatakan **dua(2)** sebab golongan tersebut dianggap sebagai golongan terpelajar dalam masyarakat.
(4 markah)
- ii. Huraikan **tiga(3)** tanggungjawab golongan profesional terhadap masyarakat.
(6 markah)
- iii. Bincangkan **lima(5)** langkah yang perlu diambil oleh golongan profesional untuk memantapkan lagi kedudukan kerjaya dan martabat mereka dalam masyarakat.
(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Baca petikan di bawah dan jawab semua soalan berikutnya dalam buku jawapan.

SELIDIK DAHULU BERITA TULAR

Menurut penerbitan *Komunikasi dan Multimedia: Fakta Angka Terpilih Suku Kedua 2016*, jumlah pengguna internet di Malaysia mencecah 20.1 juta orang. Penerbitan itu juga menyebut bahawa kadar penembusan jalur lebar mudah alih bagi 100 isi rumah melonjak kepada 76.6 peratus, manakala penembusan selular bagi setiap 100 penduduk di negara ini mencapai 140.9 peratus.

Jelasnya, daripada perangkaan yang dinyatakan itu, akses internet dalam kalangan rakyat Malaysia cukup tinggi. Akses kemudahan internet, seperti media sosial, membolehkan rakyat di negara ini memperoleh maklumat dengan mudahnya. Jadi tidak hairanlah jika jumlah pengguna media sosial *Facebook* di Malaysia antara yang tertinggi di dunia.

Namun begitu, berapa banyakkah pelayan internet yang benar-benar memberikan perhatian dan meneliti tajuk atau inti pati sesebuah artikel terlebih dahulu sebelum memberikan sebarang komen? Sejauh manakah pengguna media sosial dan pembaca surat khabar bulat-bulat mempercayai berita yang ditulis dan diterbitkan dalam media sosial atau dalam sesebuah penerbitan?

Inilah senario yang berlaku di serata dunia, termasuk Malaysia, selagi terdapat individu yang cuba menyalahgunakan platform sedia ada untuk kepentingan peribadi mereka. Barangkali inilah antara sebab kes salah guna media sosial yang melibatkan penyebaran berita palsu semakin menular dewasa ini.

Isu ini turut mendapat perhatian di Amerika Syarikat baru-baru ini apabila penyebaran berita palsu di laman *Facebook* didakwa mempengaruhi keputusan pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang akhirnya menyaksikan kemenangan berpihak kepada calon Parti Republikan, Donald Trump. Dakwaan tersebut berbangkit selepas *Facebook* dikatakan gagal menghalang penyebaran berita palsu, dan meningkatkan sokongan kepada Trump.

Hasil kajian Media Insight Project, usaha sama antara Pusat AP-NORC for Public Affairs Research dengan The American Press Institute pada awal tahun 2016 lalu, mendapati bahawa kurang daripada satu suku pengguna media sosial di Amerika mempercayai laporan media sosial. Laporan itu menyebut bahawa hanya 12 peratus daripada responden yang dihubungi menyatakan kepercayaan mereka

kepada berita yang dimuat naik dalam *Facebook* dan hanya 18 peratus percaya kepada berita daripada laman *Twitter*.

Walaupun aspek kebolehpercayaan berita dalam media sosial masih diragui, reputasi sesebuah agensi berita yang memuat naik berita juga memainkan peranan. Hampir tujuh daripada 10 orang responden (66 peratus) yang memperoleh berita di *Facebook* menyatakan reputasi sebagai faktor kritikal dalam keputusan mereka mempercayai kandungan yang dipaparkan.

Yang menariknya, penyebaran berita palsu dilakukan dengan begitu licik dan terancang sehingga ada antara pembaca yang terpedaya dengan cerita itu dan mempercayainya bulat-bulat. Modus operandi pihak sedemikian adalah dengan meletakkan gambar yang tulen dan tajuk artikel yang mengandungi elemen sensasi, tetapi pautan berita pada alamatnya amat dicurigai.

Namun begitu, disebabkan semangat ingin tahu itu begitu tinggi, maka secara tidak langsung pelayan internet "terperangkap" dalam permainan licik pihak berkenaan. Semuanya ini dibuat sebagai alasan untuk memperdaya mereka memasuki pautan atau laman mereka.

Di Malaysia, beberapa isu nasional, seperti dakwaan bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) akan dinaikkan, kadar tol di seluruh pelosok negara bakal dinaikkan dan desas-desus bahawa salah seorang artis terkenal tanah air meninggal dunia akibat nahas jalan raya, turut menjadi "mangsa" perbuatan orang kurang bertanggungjawab.

Di sini, jelasnya terserlah kelicikan pihak yang berkenaan untuk memanipulasi emosi, sentimen dan persepsi masyarakat terhadap isu yang dapat membangkitkan kemarahan awam sekali gus mencetuskan suasana ketidaktentuan dan panik.

Agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengekang penyebaran berita palsu dan salah guna media sosial. Namun demikian, usaha tidak seharusnya terhenti di situ begitu sahaja.

Rakyat juga mempunyai tanggungjawab dan amanah besar yang perlu digalas bagi memastikan penyebaran berita palsu tidak berleluasa. Yang pastinya, isu penyebaran berita palsu tidak akan berakhir dengan tindakan penguatkuasaan semata-mata kerana isu tersebut bersangkut paut dengan sikap serta mentaliti pengguna itu sendiri. Sebagai pengguna tegar media sosial, mereka perlu berfikir

semasak-masaknya sebelum bertindak menyebarkan atau memuat naik sesuatu berita yang sensasi.

Fikir dan pertimbangkan kesan dan akibatnya yang mungkin berbangkit rentetan daripada tindakan memuat naik berita yang berkemungkinan palsu itu. Hal ini dikatakan demikian kerana segala maklumat yang dimuat naik dalam internet akan kekal selama-lamanya, dan inilah jugalah cara ekosistem internet sebenarnya berfungsi.

Pada masa yang sama, pengguna media sosial juga wajar menyemak kesahihan sesuatu maklumat yang diterima terlebih dahulu sebelum bertindak untuk menyebarkannya kepada orang lain. Semak dahulu sama ada sumber berita yang diterima itu tulen dan boleh dipercayai ataupun tidak. Teliti juga pautan berita yang diterima itu kerana ada kemungkinan pautan berita yang dilihat agak mencurigakan dan berkemungkinan besar mengandungi virus yang mampu merosakkan sistem komputer.

Dalam hal menilai sesuatu berita, pengguna media sosial perlu sentiasa berpegang pada pendirian bahawa berita sensasi dan menggemparkan dalam media ada masanya tidak boleh dipercayai. Pengguna media sosial dinasihati tidak sesekali berasa ghairah dan terus menekan butang klik tanpa membaca kandungan artikel secara mendalam terlebih dahulu. Perhalus kandungan artikel terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tafsiran atau kesimpulan.

1. Jelaskan maksud media sosial.

(2 Markah)

2. Namakan **empat(4)** jenis laman sosial yang boleh dilayari oleh pengguna internet.

(4 Markah)

3. Huraikan **dua(2)** keburukan penyebaran berita palsu yang berleluasa di internet melalui laman sosialnya.

(4 Markah)

4. Bincangkan **lima(5)** etika yang perlu ada pada pengguna media sosial di internet.

(10 Markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

